



تتامو نگارا

TETAMU NEGARA

2017



ARAB SAUDI

UNITED KINGDOM

BAHRAIN



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Terbitan
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Hak Cipta
Jabatan Penerangan

Penyelaras
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Susunan/Taip set/Kompilasi
Abu Bakar bin Haji Abd. Rahman

Penyemak
Norhafilah binti Rosli

Reka Letak/Reka Bentuk Kulit Luar/Juruteknik Foto
Amdelah bin Haji Tujoh

Foto
Unit Fotografi, Jabatan Penerangan

TETAMU NEGARA

**Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud,
Penjaga Dua Masjid Suci dan
Raja Negara Arab Saudi**

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Berkenan Berangkat Mengalu-Alukan Keberangkatan Tiba Kebawah DYMM Raja Salman Bin Abdulaziz Al-Saud	10 - 11
Berkenan Menerima Kunjungan Muhibah Kebawah DYMM Raja Salman Bin Abdulaziz Al-Saud	12 - 17
Brunei - Arab Saudi Tingkatkan Kerjasama Pelbagai Bidang	18 - 20
Berkenan Berangkat Mengucapkan Selamat Berlepas Kepada Kebawah DYMM Raja Salman Bin Abdulaziz Al-Saud	21 - 22

Berkenan Berangkat Mengalu-Alukan Keberangkatan Tiba Kebawah DYMM Raja Salman Bin Abdulaziz Al-Saud

NEGARA Brunei Darussalam mencatatkan satu lagi peristiwa bersejarah pada tahun ini apabila menerima kunjungan Lawatan Negara selama sehari dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi pada Sabtu, 4 Mac 2017.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud.

Sebaik sahaja turun dari pesawat khas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud dan rombongan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Kerabat Pengiring Diraja.

Turuthadirialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim selaku Menteri Pengiring; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Paduka



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi.

Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud seterusnya melintasi Kawalan Statik terdiri daripada Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud kemudiannya berangkat ke Istana Nurul Iman untuk Majlis Sambutan Rasmi Ketibaan dan Barisan Kawalan Kehormatan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud.



KEBAWAH Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud melintasi Kawalan Statik terdiri daripada Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sejurus tetamu negara tiba ke negara ini bagi Lawatan Negara selama sehari. Berangkat sama mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah DYMM Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) selaku Kerabat Pengiring Diraja.

Berkenan Menerima Kunjungan Muhibah Kebawah DYMM Raja Salman Bin Abdulaziz Al-Saud

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima kunjungan muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi di Istana Nurul Iman.

Sejurus ketibaan di Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud naik ke Pentas Diraja untuk menerima Tabik Hormat Diraja diikuti dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dan dua puluh satu das tembakan meriam dilepaskan.

Kedua-dua pemimpin kemudian beredar memeriksa Barisan Kehormatan Diraja yang terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud seterusnya disembahkan kepada ahli-ahli kerabat diraja; Pembesar-pembesar Negara; Menteri-menteri Kabinet; Timbalan-timbalan Menteri;



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia disembahkan kepada rombongan dari Arab Saudi.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei.

Selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkan kepada rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud yang terdiri daripada ahli-ahli Kerabat Diraja Arab Saudi, Menteri-menteri Kabinet dan pegawai-pegawai kanan bertaraf Menteri.

Sejurus selepas itu, Majlis Mengadap diadakan di Cheradi Laila Kenchana.

Berangkat sama ke Majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal

Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP), serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Majlis Mengadap turut dihadiri oleh ahli-ahli Kerabat Diraja Arab Saudi, Menteri-menteri Kabinet dan pegawai-pegawai kanan bertaraf Menteri.

Semasa Majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.) kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Selepas Majlis Mengadap, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud yang berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman.

Berangkat sama menghadiri Majlis Perjumpaan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Semasa majlis perjumpaan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud disembahkan kepada para pembesar Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud telah berbincang mengenai isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Arab Saudi, serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Selepas Majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja bagi merayakan Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud serta rombongan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima kunjungan muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke Majlis Persantapan Diraja tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan,



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B) kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud.

serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Selepas Majlis Persantapan Diraja tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengucapkan selamat berlepas kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



BERANGKAT sama ke Majlis tersebut ialah DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; DYT M Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan DYT M Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.



AHLI-AHLI Kerabat Diraja Arab Saudi, Menteri-menteri Kabinet dan Pegawai-pegawai Kanan bertaraf Menteri hadir pada Majlis Mengadap.



DOA Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman. Berangkat sama menghadiri Majlis Perjumpaan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Juga hadir ialah para pembesar kedua-dua buah negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja bagi merayakan Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud serta rombongan.



BAGINDA berdua berbual mesra pada Majlis Persantapan Diraja.



BERANGKAT sama pada Majlis Mengadap ialah DYTm Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; DYTm Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; DYTm Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuar Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; DYTm Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Brunei - Arab Saudi Tingkatkan Kerjasama Pelbagai Bidang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi berlangsung di Cheradi Ratna Kenchana, Istana Nurul Iman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi bersetuju menekankan kepentingan dalam meningkatkan penyelarasan dan kerjasama dalam bidang keselamatan politik, ketenteraan dan hal ehwal Islam di antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin juga mengalu-alukan keputusan hasil dari Mesyuarat Jawatankuasa Ekonomi Arab-Brunei Bersama yang akan diadakan pada akhir tahun ini, dengan keputusan yang akan menjamin ekonomi dan meningkatkan kerjasama

sektor swasta kedua-dua negara.

Perkara itu terkandung dalam Kenyataan Bersama pada Lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi selama sehari ke negara ini.

Dalam kenyataan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah memuji usaha yang dilakukan oleh Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi dalam perkhidmatan dua Masjid Suci dan jemaah serta pengunjung termasuk dari Brunei Darussalam.

Kedua-dua ketua negara juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan

antarabangsa termasuk perkembangan terbaru di Timur Tengah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud juga menekankan kepentingan dalam mencapai penyelesaian yang berkekalan, menyeluruh dan adil kepada perjuangan rakyat Palestin mengikut kandungan Inisiatif Keamanan Arab dan keputusan legitimasi antarabangsa yang berkaitan.

Kedua-dua pemimpin seterusnya menekankan keperluan dan kepentingan mencari penyelesaian politik yang berterusan kepada Krisis Syria mengikut Deklarasi Geneva (1) dan Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu No. 2254 serta kepentingan menyediakan bantuan kemanusiaan dan bantuan bagi pelarian Syria.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud juga menekankan kepentingan dalam

mengekalkan perpaduan Yaman serta keamanan dan kestabilan dan kepentingan mencari penyelesaian politik yang berpanjangan kepada Krisis Yaman.

Kedua-dua pemimpin tersebut juga menyambut baik Inisiatif Teluk dan hasil 'National Dialogue Yemen' serta Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu No. 2216.

Dalam kenyataan itu, kedua-dua pemimpin turut menyatakan sokongan mereka kepada Kerajaan Yaman yang sah bagi memudahkan kedatangan bantuan kemanusiaan ke semua bahagian Yaman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud seterusnya bersetuju dengan penyelarasan kedudukan mereka di dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan badan-badan berkaitan untuk menjaga kepentingan kedua-dua negara dan persaudaraan serta kepentingan negara Islam.

Kedua-dua pemimpin menekankan kepentingan dalam memusnahkan ekstremisme dan melawan



BAGINDA berdua berkenan menerima Tabik Hormat Diraja diikuti dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi berkenan memeriksa Barisan Kehormatan Diraja yang terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

segala bentuk dan manifestasi *terrorism* dalam apa juga bentuk atau keadaan.

Terdahulu dalam Kenyataan Bersama, lawatan pertama Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi ini adalah atas jemputan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sangat penting dan bersejarah bagi persaudaraan dan hubungan persahabatan yang berterusan serta kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin mengakui bahawa Lawatan Negara ini bertepatan dengan Ulang Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Arab Saudi Ke-30.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud turut mengadakan perbincangan persaudaraan yang konstruktif dalam memberi tumpuan kepada meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara dan meluaskan bidang kerjasama dalam semua bidang, khususnya dalam bidang kerjasama perdagangan dan pelaburan termasuk meneroka peluang pelaburan bersama.

Kedua-dua pemimpin juga bersetuju untuk mengaktifkan Kerjasama Perjanjian Am yang ditandatangani antara kedua-dua negara termasuk bidang Ekonomi, Pelaburan, Teknikal, Pendidikan, Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Baginda juga melahirkan penghargaan tulus kepada Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi dalam membuat lawatan mercu tanda ini ke Negara Brunei Darussalam.

Pada Lawatan Negara tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan mengurniakan bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.) kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud.

Penjaga Dua Masjid Suci, Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Raja Kerajaan Arab Saudi juga melahirkan penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi mengalu-alukan dan menerima baik ahli-ahli rombongan ketika berada di Negara Brunei Darussalam.

Berkenan Berangkat Mengucapkan Selamat Berlepas Kepada Kebawah DYMM Raja Salman Bin Abdulaziz Al-Saud



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengucapkan selamat berlepas kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi yang menamatkan Lawatan Negara sehari ke negara ini.

Berangkat sama di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mengucapkan selamat berlepas kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud yang menamatkan Lawatan Negara sehari. Berangkat sama ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Kerabat Pengiring Diraja (atas dan kanan).



ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Kerabat Pengiring Diraja.

Sebelum berangkat meninggalkan negara, Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud seterusnya melintasi Kawalan Statik terdiri daripada Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Turut hadir bagi menyampaikan selamat berangkat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim selaku Menteri Pengiring; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng; Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.



KEBAWAH DYMM bersalaman mesra dengan Kebawah DYMM Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi.



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia melambai mesra sebagai tanda mengucapkan selamat berlepas kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al-Saud dan rombongan dari Arab Saudi.

TETAMU NEGARA

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja
Hamad bin Isa Al-Khalifa,
Raja Bahrain**

Kebawah DYMM Berangkat Mengalu-alukan Ketibaan Raja Bahrain	27 - 28
Berkenan Menerima Kunjungan Muhibah Raja Bahrain	29 - 37
Majlis Persantapan Diraja Rai Lawatan Negara Raja Bahrain	38 - 42
Kebawah DYMM Raja Bahrain Berangkat Meninggalkan Negara Brunei Darussalam	43 - 44

Kebawah DYMM Berangkat Mengalu-alukan Ketibaan Raja Bahrain



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain ke negara ini.

HUBUNGAN persahabatan antara Negara Brunei Darussalam dan Bahrain terus dipertingkatkan dengan Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain ke negara ini selama dua hari bermula 3 hingga 4 Mei 2017 yang sekali gus menjadi catatan lembaran bersejarah bagi kedua-dua negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Sebaik sahaja turun dari pesawat khas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa dan rombongan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Kerabat Pengiring Diraja.

Turut hadir ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar

bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa kemudian melintasi Kawalan Statik terdiri dari Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa berangkat ke Istana Nurul Iman untuk Majlis Sambutan Rasmi Ketibaan dan Barisan Kawalan Kehormatan Diraja bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berbual mesra dan mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa dan rombongan. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Kerabat Pengiring Diraja (atas dan bawah).



Berkenan Menerima Kunjungan Muhibah Raja Bahrain



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Kunjungan Muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain di Istana Nurul Iman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Kunjungan Muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain di Istana Nurul Iman.

Sejurus keberangkatan tiba di Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa naik ke Pentas Diraja untuk menerima Tabik Hormat Diraja diikuti dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dan 21 das tembakan meriam dilepaskan.

Kedua-dua pemimpin seterusnya beredar memeriksa Barisan Kehormatan Diraja yang terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa kemudiannya disembahkenalkan kepada ahli-ahli kerabat diraja; pembesar-pembesar negara; Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara; Menteri-menteri Kabinet; Timbalan-timbalan Menteri; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam; Ahli-ahli Mesyuarat Negara dan Setiausaha-setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain semasa memeriksa Barisan Kehormatan Diraja yang terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Terdahulu, sebelum baginda berdua berangkat ke Cheradi Laila Kenchana bagi Majlis Mengadap, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkenalkan kepada rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa yang terdiri daripada ahli-ahli Kerabat Diraja Bahrain, Menteri-menteri Kabinet dan Pegawai-pegawai Kanan bertaraf Menteri.

Berangkat ke Majlis Mengadap tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Majlis Mengadap turut dihadiri oleh ahli-ahli Kerabat Diraja Bahrain, Menteri-menteri Kabinet dan Pegawai-pegawai Kanan bertaraf Menteri.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat Mahkota Brunei (D.K.M.B.) kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa.

Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Selesai Majlis Mengadap, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa berangkat

ke The Empire Hotel and Country Club diiringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Kerabat Pengiring Diraja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bahrain berkenan menerima Tabik Hormat Diraja diikuti dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara.



KEGEMBIRAAN dan keriangian penuntut-penuntut yang sama-sama menunggu keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain serta rombongan di sepanjang jalan berhampiran Istana Nurul Iman dengan kibaran bendera kedua-dua buah negara (atas dan bawah).




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri disembahkan kepada rombongan Kebawah DYMM Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa yang terdiri daripada Ahli-ahli Kerabat Diraja Bahrain, Menteri-menteri Kabinet dan Pegawai-pegawai Kanan bertaraf Menteri (atas), sementara gambar bawah, Kebawah DYMM Raja Bahrain berkenan beramah mesra bersama Ketua-ketua Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam.





KECERIAAN penuntut sekolah mengibarkan bendera kedua-dua buah negara (atas dan bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain di Cheradi Laila Kenchana bagi Majlis Mengadap.



ROMBONGAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain di Cheradi Laila Kenchana bagi Majlis Mengadap. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; paduka-paduka anakanda dan adinda baginda serta ahli-ahli kerabat diraja kedua-dua buah negara serta rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bahrain (atas dan bawah).



KIBARAN bendera daripada penuntut sekolah bagi sama-sama meraikan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain berserta rombongan ke negara ini (atas dan bawah).



Majlis Persantapan Diraja Rai Lawatan Negara Raja Bahrain

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja bagi meraikan Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain, serta rombongan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat mengalu-alukan ketibaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa diiringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain dalam Majlis Persantapan Diraja bagi meraikan Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad.

Menteri selaku Kerabat Pengiring Diraja.

Berangkat sama ke Majlis Persantapan Diraja tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir

Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain.

Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Sebelum Majlis Persantapan Diraja dimulakan, lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan diikuti dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa termasuk ahli-ahli Kerabat Diraja Bahrain, Menteri-menteri Kabinet dan Pegawai-pegawai Kanan bertaraf Menteri sama-sama hadir di Majlis Persantapan Diraja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bergambar bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bahrain.



BAGINDA berdua bersama paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa sesi bergambar ramai.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dalam Majlis Persantapan Diraja bagi meraikan Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain serta rombongan. Berangkat sama ke Majlis Persantapan Diraja ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Kerabat Pengiring Diraja.



JUGA berangkat ke Majlis Persantapan Diraja ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain.



JUGA berangkat ke Majlis Persantapan Diraja ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel serta kerabat diraja yang lain.



ANTARA jemputan khas yang hadir dalam Majlis Persantapan Diraja.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain berangkat sejurus selesainya Majlis Persantapan Diraja. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berserta ahli kerabat diraja.



Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah DYMM Raja Bahrain Berangkat Meninggalkan Negara Brunei Darussalam

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa berada di negara ini



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain, di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas dan bawah).





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan berangkat bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain, di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

bagi Lawatan Negara selama dua hari dari 3 hingga 4 Mei 2017.

Sebelum berangkat meninggalkan negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan melintasi Kawalan Statik terdiri dari Anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Turut hadir bagi menyebarkan selamat berangkat ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Menteri Pengiring; Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar; dan Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Dato Paduka Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Juga hadir ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei.

TETAMU NEGARA

**HRH The Prince of Wales dan
HRH The Duchess of Cornwall**

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Keberangkatan Tiba HRH The Prince of Wales Dan HRH The Duchess of Cornwall	49 - 50
Menerima Mengadap Kerabat Diraja British	51 - 54
Their Royal Highnesses Adakan Perjumpaan Bersama Anggota 2RGR	55 - 56
Keberangkatan Balik HRH The Prince of Wales Dan The Duchess of Cornwall	57

Keberangkatan Tiba HRH The Prince of Wales Dan HRH The Duchess of Cornwall



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba His Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba His Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall.

Their Royal Highnesses berada di Negara Brunei

Darussalam selama satu hari iaitu pada 2 November 2017.

Sebaik sahaja turun dari pesawat khas, Their Royal Highnesses dialu-alukan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri.

Turut hadir ialah Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim selaku Menteri Pengiring, serta Datin; Menteri di JPM dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato

Seri Setia Lim Jock Seng serta Datin; Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Pengiran Datin; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah dan Pengiran Datin; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah

Al-Islam dan Datin dan Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay dan isteri.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri serta Their Royal Highnesses seterusnya melintasi Kawalan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebelum berangkat menuju ke Istana Edinburgh dan kemudian ke Istana Nurul Iman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman ketika berkenan berangkat bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba His Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall.

Menerima Mengadap Kerabat Diraja British



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap secara berasingan His Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall di Istana Nurul Iman (atas dan bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap secara berasingan His Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap His Royal Highness The Prince of Wales.

Menyertai His Royal Highness pada Majlis Mengadap tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila

Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim selaku Menteri Pengiring dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

Sementara itu, di ruang lain Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Her Royal Highness The Duchess of Cornwall.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri pada Majlis Mengadap tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

Menyertai Her Royal Highness the Duchess of Cornwall pada Majlis Mengadap tersebut ialah Puan Xanthe Lindsay, isteri Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan meraikan lawatan His Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall dalam Majlis Santap Minum Petang di Istana Nurul Iman.



BAGINDA berdua dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda dan kerabat diraja yang lain berangkat ke ruang hadapan Istana Nurul Iman bagi mengucapkan selamat berangkat kepada His Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall.

Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta Their Royal Highnesses seterusnya berkenan berangkat ke Majlis Santap Minum Petang bagi meraikan lawatan Their Royal Highnesses, bertempat di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke Majlis Santap Minum Petang tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan mengucapkan selamat berangkat kepada kerabat diraja British, His Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berbual mesra bersama His Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall dalam Majlis Santap Minum Petang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap His Royal Highness The Prince of Wales di Istana Nurul Iman.

Their Royal Highnesses Adakan Perjumpaan Bersama Anggota 2RGR



HIS Royal Highness The Prince of Wales berkenan memeriksa perbarisan, sementara gambar bawah, His Royal Highness berkenan berangkat ke Istana Edinburg bagi perjumpaan bersama anggota-anggota Batalion Kedua Royal Gurkha Rifles (2RGR) British Forces Brunei serta keluarga.

HIS Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall berkenan berangkat ke Istana Edinburg bagi perjumpaan bersama anggota-anggota Batalion Kedua Royal Gurkha Rifles (2RGR) British Forces Brunei serta keluarga.

Keberangkatan tiba Their Royal Highnesses dijunjung oleh Pengelola Bijaya Diraja, Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Abu Hurairah bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Laila Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha dan Pengiran Datin; wakil Yang Amat Mulia Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara dan



isteri; wakil Yang Amat Mulia Grand Chamberlain dan isteri dan wakil daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan isteri.

Semasa keberangkatan, Their Royal Highnesses diiringi oleh Pemerintah Tentera British Brunei dan Pegawai Pemerintah Batalion 2RGR, Leftenan Kolonel Jamie Murray dan seterusnya berkenan beramah mesra bersama anggota-anggota dan ahli keluarga 2RGR.

Pada majlis tersebut His Royal Highness telah berkenan mengurniakan Sijil Kerja Lama kepada salah seorang anggota Royal Gurkha Rifles, Virgilio Mercurio Baluyot.

Sebelum berangkat meninggalkan Istana Edinburg, Their Royal Highnesses berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan dan berkenan menerima junjung ziarah bersama anggota 2RGR serta ahli keluarga dan juga para pelajar dari Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

Juga hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim selaku Menteri Pengiring dan Datin serta Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay dan isteri.



HIS Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall berkenan beramah mesra bersama para pelajar dan guru-guru dari Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) sebelum meninggalkan Istana Edinburg.

Keberangkatan Balik HRH The Prince of Wales Dan The Duchess of Cornwall



HIS Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam selepas berada di negara ini selama sehari.

Sebelum menaiki pesawat khas, Their Royal Highnesses melintasi Kawalan Kehormatan Statik terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Turut hadir bagi menyampaikan selamat berangkat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim selaku Menteri Pengiring, dan Datin; Menteri di JPM dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Datin; Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Yang Mulia Dato

HIS Royal Highness The Prince of Wales dan Her Royal Highness The Duchess of Cornwall berjalan melintasi barisan Kawalan Kehormatan statik sebelum berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam selepas berada di negara ini selama sehari, sementara gambar bawah, antara pembesar negara yang hadir bagi mengucapkan selamat berangkat kepada kerabat diraja British.



Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Pengiran Datin; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah dan

Pengiran Datin; Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam dan Datin serta Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay dan isteri.

